

09 APR 2003

Warisan/I

HUBUNGAN MALAYSIA-SINGAPURA PENENTU KESTABILAN SERANTAU

MELBOURNE, 9 April (Bernama) -- Kestabilan politik Malaysia dan hubungan baik antara negara itu dengan Singapura merupakan faktor utama yang boleh menyumbang kepada kestabilan di rantau itu, menurut sebuah buku terbaru di sini.

Dalam buku berjudul "The Mahathir Legacy" (Warisan Mahathir), penulisnya, wartawan veteran Australia Ian Stewart, berkata hubungan baik antara Malaysia dan Singapura juga boleh memperkukuhkan lagi unsur sederhana di Indonesia dan menjadi contoh kepada Thailand dan Filipina.

"Pada waktu yang sama, ia boleh menggalakkan negara anggota ASEAN yang kurang maju seperti Vietnam, Laos dan Kemboja mengambil langkah pragmatik ke arah pembangunan," katanya.

Dalam buku berkenaan, Stewart, yang bertugas sebagai wartawan di Kuala Lumpur dari 1995 hingga 2001 untuk akhbar "The Australian" dan "South China Morning Post", turut melahirkan kebimbangannya tentang rancangan dan cara yang diamalkan oleh PAS untuk menjadikan Malaysia sebuah negara Islam fundamentalis.

"Sesebuah negara yang mempunyai parti Islam, yang membiarkan pelampau Islam menguasai sebahagian besar negara berkenaan dan mencabar suara majoriti sebuah kerajaan sederhana di parlimen, akan membahayakan kestabilan serantau kerana ia menimbulkan kebimbangan tentang corak masa depan negara itu serta potensinya untuk menjadi pangkalan bagi pengganas," kata Stewart.

Menurutnya, ada juga sebahagian pemimpin Umno yang berpendapat parti itu perlu menukar sikap sederhana yang diamalkannya selama ini, kepada pendekatan Islam yang lebih konservatif.

"Ini tidak akan berlaku selagi (Perdana Menteri Datuk Seri) Dr Mahathir Mohamad berkuasa tetapi para pemimpin akan datang mungkin cuba bersaing dengan PAS untuk kelihatan lebih bersifat fundamentalis," katanya.

Bagaimanapun, kata Stewart, tindakan itu boleh membantut atau menyekat hasrat Malaysia untuk mencapai taraf negara maju dan sebaliknya mendorong sesetengah orang Melayu mengamalkan sikap pelampau.

Sebarang langkah ke arah itu hanya akan memberi keuntungan kepada PAS, kata Stewart.

-- BERNAMA

NDC AZZ SP MAI